



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS (KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)**

# **Pendidikan Islam(Suaian)**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**TAHUN 2**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS  
(KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)

# Pendidikan Islam(Suaian)

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## TAHUN 2

Bahagian Pembangunan Kurikulum

MEI 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

# KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat .....	2
Objektif .....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah .....	3
Fokus .....	4
Kemahiran Abad Ke-21 .....	4
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	5
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .....	6
Rancangan Pendidikan Individu.....	10
Elemen Merentas Kurikulum .....	11
Pentaksiran Sekolah.....	14
Organisasi Kandungan .....	17
Peruntukan Waktu.....	17
1.0 Al-Quran.....	19

2.0	Akidah.....	25
3.0	Ibadah.....	29
4.0	Sirah.....	31
5.0	Adab.....	35
6.0	Jawi.....	39
	Panel Penggubal.....	41



## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)



## **DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN**

3(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996  
[PU(A)531/97]



## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan Standard Pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21

dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL**  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum



## PENDAHULUAN

Pendidikan Islam (Suaian) bagi MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid, dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) adalah bersifat holistik, tidak terlalu akademik, dan tidak membebankan MBK. Ini selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Tahap Satu adalah selaras dengan KSSR Kebangsaan dengan penambahan dan pengubahsuaian mata pelajaran. Mata pelajaran baru yang diperkenalkan adalah Bahasa Isyarat Komunikasi, manakala mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam diubahsuai. Lain-lain mata pelajaran pula menggunakan KSSR Kebangsaan.

Penambahan dan pengubahsuaian mata pelajaran ini adalah berdasarkan keperluan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) dalam memperoleh pendidikan yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan semasa mereka. Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran dibentuk secara fleksibel

selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan;

- ... seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada;
- i. kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran
  - ii. masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti
  - iii. susunan aktiviti; dan
  - iv. bahan bantu mengajar

... Apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

Mata pelajaran baru dan pengubahsuaian dalam KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) dibina supaya pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dan menjadi pendokong kepada hasrat pelaksanaan mata pelajaran lain dalam KSSR Kebangsaan yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **MATLAMAT**

Pendidikan Islam (Suaian) bermatlamat melahirkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunah serta menjadi hamba Allah yang bertakwa.

5. Memahami, mengamalkan dan menghayati nilai-nilai akhlak Rasulullah dalam kehidupan seharian.
6. Membaca dan menulis tulisan jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

## **OBJEKTIF**


Pendidikan Islam bertujuan membolehkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) mencapai objektif berikut:

1. Mengenal huruf hijaiyyah dan membaca (secara isyarat) surah al-'Asr, al-Ikhlâs, al-Falaq, Al-Nas dan al-Qadr dengan betul untuk memupuk minat membaca al-Quran dan mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian.
2. Memahami dan meyakini asas-asas akidah sebagai pegangan dan benteng dalam kehidupan harian serta asas dalam tindakan.
3. Memahami dan mengamalkan asas ibadah sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.
4. Memahami dan mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah SAW bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Islam(Suaian) digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

## FOKUS

Pendidikan Islam (Suaian) bagi MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) memfokuskan kepada enam bidang utama iaitu al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Penekanan yang sama diberi kepada semua bidang tersebut agar MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) berupaya membaca (secara isyarat) al-Quran dan mengamalkannya dengan betul, menjadikan ilmu akidah sebagai asas dalam tindakan dan benteng, memahami konsep asas ibadah dan mengamalkannya dan mengamalkan adab secara istiqamah dalam kehidupan seharian serta membaca tulisan jawi, serta menulis jawi dengan betul.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Pendidikan Islam menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Berdaya Tahan</b>	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
<b>Mahir Berkomunikasi</b>	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
<b>Pemikir</b>	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru
<b>Kerja Sepasukan</b>	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.



PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Bersifat Ingin Tahu</b>	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
<b>Berprinsip</b>	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
<b>Bermaklumat</b>	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
<b>Penyayang/Prihatin</b>	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>Patriotik</b>	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

### KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
<b>Mengaplikasi</b>	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
<b>Menganalisis</b>	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan.
<b>Menilai</b>	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
<b>Mencipta</b>	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi

menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dirancang perlu memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan PdP berasaskan aktiviti. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, perbincangan, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

### **Pembelajaran Berasaskan Inkuiri**

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

### **Konstruktivisme**

Konstruktivisme merupakan fahaman yang mencadangkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang

bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

1. Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
2. Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
3. Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
4. Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

### **Pembelajaran Kontekstual**

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Pendekatan ini melibatkan murid belajar secara menyiasat seperti pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

### **Pembelajaran Masteri**

Pendekatan Masteri memastikan semua murid menguasai standard pembelajaran yang ditetapkan sebelum berpindah ke standard pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini berpegang

kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut kadarnya. Aktiviti pemulihan dan pengayaan perlu dilaksanakan bagi murid yang belum menguasai asas masteri, sementara aktiviti pengayaan dilaksanakan oleh murid yang telah mencapai aras masteri.

### **Perbincangan**

Perbincangan adalah aktiviti di mana murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan alasan yang sah. Semasa perbincangan, murid perlu mempunyai fikiran terbuka untuk menerima pendapat pihak lain. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah tajuk perbincangan. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

### **Analisis Tugas**

Pendekatan Analisis Tugas (PAT) melibatkan proses pembahagian kemahiran kepada beberapa komponen atau langkah mudah yang dapat dikuasai dan dipelajari oleh seseorang murid. PAT membantu guru menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid. PAT boleh dilaksana seperti berikut:

1. Memastikan kemahiran yang sesuai diajar pada murid mengikut tahap keupayaan.
2. Huraikan secara ringkas kemahiran dipilih.
3. Kemahiran yang dipilih dipecahkan kepada langkah-langkah kecil.
4. Buat penyesuaian langkah pembelajaran mengikut keupayaan dan kebolehan murid.
5. Guru membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kemahiran yang dikuasai murid.
6. Membuat penambahan dan perubahan di mana perlu sehingga murid dapat menguasai kemahiran yang hendak diajar.

### **Pembelajaran Berasaskan Projek**

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan inkuiri. PBP memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau

masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

### **Belajar Melalui Bermain**

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri pendekatan bermain sambil belajar yang ditekankan termasuk:

1. Aktiviti yang menyeronokkan.
2. Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
3. Permainan bebas dan terancang.
4. Keanjalan masa.
5. Percubaan idea sendiri.
6. Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

### **Pengajaran Bertema**

Pendekatan Pengajaran Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid khususnya MBK. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid.

Pendekatan PB melibatkan:

1. Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
2. Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
3. Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
4. Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
5. Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

1. Kesesuaian dengan kehidupan murid.
2. Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.

3. Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
4. Sumber yang mudah didapati.
5. Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

### **Pembelajaran Pengalamian**

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian adalah berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu murid khususnya MBK. Pendekatan ini meningkatkan arah sendiri individu di mana murid diberi peluang menilai keupayaan diri sendiri.

Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

1. Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
2. Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
3. Memastikan sumber untuk proses pembelajaran ada dan mudah diperoleh.
4. Menyusun sumber untuk proses pembelajaran.
5. Seimbangkan komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
6. Berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka.

Proses pembelajaran bagi Pendekatan Pengalamian ialah:

1. Guru menentukan matlamat dan objektif untuk individu serta kumpulan.
2. Aktiviti pembelajaran yang dibentuk adalah mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan murid.
3. Guru perlu menjelaskan tentang tugas atau aktiviti yang akan dijalankan dengan murid dan berbincang mengenai apa yang diharapkan daripada murid.
4. Murid perlu ditempatkan dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
5. Pembelajaran berlaku melalui pengalaman pembelajaran dan berikan maklumat tentang apa yang dibuat atau dipelajari.
6. Berikan bantuan, latihan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baru dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

### **Pembelajaran Luar Bilik Darjah**

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

1. Memperoleh pengalaman sebenar.
2. Berekreasi.
3. Bersosialisasi dan berkomunikasi.
4. Melaksanakan aktiviti yang menggembarakan.

5. Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
6. Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti rekreasi di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

### **Rancangan Pendidikan Individu**

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan dokumen yang disediakan oleh guru bagi menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang berasaskan keperluan MBK. Guru boleh mengenal pasti tahap kebolehan dan perkembangan murid melalui ujian diagnostik secara lisan, penulisan dan pemerhatian. RPI dibentuk berasaskan keperluan MBK dan perlu dipersetujui dan ditandatangani oleh ibubapa/ penjaga. Kumpulan multidisiplinari seperti pegawai 3PK, audiologis, psikologi, juru pulih dan terapi cara kerja diperlukan dalam membuat cadangan serta perancangan pendidikan untuk membantu dalam pelaksanaan RPI. Kolaborasi antara pihak sekolah, ibubapa, dan MBK sendiri, pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain dapat memperkukuhkan lagi matlamat RPI.

Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013;

*“Rancangan Pendidikan Individu (RPI) ertinya suatu rekod yang mengandungi butiran sebagai mana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar yang menyatakan tentang rancangan pendidikan bagi setiap MBK”*

Punca kuasa RPI adalah daripada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2004;

*“Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan kurikulum ini, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) setiap murid hendaklah disediakan”.*

## **ELEMEN MERENTAS KURIKULUM**

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

### **1. Bahasa**

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### **2. Kelestarian Alam Sekitar**

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
  - Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
  - Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
  - Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
  - Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

### 5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

### 6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

### 7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.



- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

#### **8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

#### **9. Kelestarian Global**

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.

- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

#### **10. Pendidikan Kewangan**

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Pelbagai bentuk.
2. Adil kepada semua murid.
3. Mengambil kira pelbagai aras kognitif
4. Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
5. Mengambil kira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka fahami.

Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan antara satu komponen utama dalam PdP kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam PdP. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha membentuk insan yang harmonis dan

seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas di pihak guru dan sekolah untuk memperkembangkan potensi MBK ke tahap tertinggi mengikut keupayaan masing-masing. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- Holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;
- Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP;
- Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan
- Merujuk Standard Prestasi yang dibina berdasarkan Standard Kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

- Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP.
- Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

### **Pentaksiran Standard Prestasi**

Standard Prestasi Pendidikan Islam(Suaian) diguna untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Standard Prestasi ini juga merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Perkembangan murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala

rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Pentaksiran yang dibuat seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 3 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (Suaian).

Jadual 3: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Pendidikan Islam (Suaian)

TAHAP PENGUASAAN		TAFSIRAN
1	Ilmu	Murid dapat menguasai pengetahuan asas, kemahiran dan nilai dalam kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.
2	Amali	Murid dapat menjelaskan konsep atau menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktik daripada kandungan yang dipelajari.
3	Amalan	Murid dapat menjelaskan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam kehidupan harian.
4	Itizam	Murid berkebolehan menghuraikan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari secara bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab melaksanakannya dalam kehidupan harian.
5	Penghayatan	Murid berkebolehan memberikan justifikasi serta istiqamah terhadap tindakan yang dilakukan dalam kehidupan harian berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari.
6	Pentabiatan	Murid berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkah laku serta mempamerkan ciri-ciri seorang yang bertaqwa dan boleh dicontohi rakan.

## ORGANISASI KANDUNGAN

Pendidikan Islam(Suaian) diorganisasikan kepada enam bidang utama iaitu Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi.

Pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam Pendidikan Islam(Suaina) ini diorganisasikan melalui Standad Kandungan yang menentukan capaian paling tinggi yang boleh dicapai oleh murid dalam kandungan yang ditetapkan. Standard Pembelajaran yang merupakan proses PdP yang diberikan kepada murid untuk mencapai Standard Kandungan dan Standard Prestasi yang menyatakan hasil pembelajaran yang dapat diukur dari perubahan tingkah laku murid.

Kandungan kurikulum disusun di bawah tiga lajur iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Penerangan mengenai setiap lajur adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

### Peruntukan waktu

Waktu PdP bagi KSSR Pendidikan Khas, Pendidikan Islam(Suaian) adalah 3 jam seminggu. Ini membawa kepada sejumlah 108 jam waktu setahun.



## 1.0 AL-QURAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Surah al-'Asr	Murid berupaya: 1.1.1 Mengenali kalimah dari surah al-'Asr. 1.1.2 Membaca setiap kalimah dari surah al-'Asr. 1.1.3 Membaca surah al-'Asr.	1	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-'Asr dengan bimbingan.
		2	Mengeja (dan membatang) ayat demi ayat daripada surah al-'Asr dengan bimbingan.
		3	Membaca surah al-'Asr.
		4	Membaca surah al-'Asr dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta beriltizam membaca al-Quran.
		5	Membaca surah al-'Asr dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta istiqamah membaca al-Quran.
		6	Membaca surah al-'Asr dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta boleh dicontohi bacaannya atau boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.2 Surah al-Ikhlas</b>	Murid berupaya: 1.2.1 Mengenali kalimah dari surah al-Ikhlas. 1.2.2 Membaca setiap kalimah dari surah al-Ikhlas. 1.2.3 Membaca surah al-Ikhlas.	1	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-Ikhlas dengan bimbingan.
		2	Mengeja (dan membatang) ayat demi ayat daripada surah al-Ikhlas dengan bimbingan.
		3	Membaca surah al-Ikhlas.
		4	Membaca surah al-Ikhlas dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta beriltizam membaca al-Quran.
		5	Membaca surah al-Ikhlas dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta istiqamah membaca al-Quran.
		6	Membaca surah al-Ikhlas dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta boleh dicontohi bacaannya atau boleh membimbing rakan.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.3 Surah al-Falaq</b>	Murid berupaya: 1.3.1 Mengenali kalimah dari surah al-Falaq. 1.3.2 Membaca setiap kalimah dari surah al-Falaq. 1.3.3 Membaca surah al-Falaq.	1	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-Falaq dengan bimbingan.
		2	Mengeja (dan membatang) ayat demi ayat daripada surah al-Falaq dengan bimbingan.
		3	Membaca surah al-Falaq.
		4	Membaca surah al-Falaq dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta beriltizam membaca al-Quran.
		5	Membaca surah al-Falaq dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta istiqamah membaca al-Quran.
		6	Membaca surah al-Falaq dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta boleh dicontohi bacaannya atau boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.4 Surah al-Nas</b>	Murid berupaya:	<b>1</b>	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-Nas dengan bimbingan.
	1.4.1 Mengenal kalimah dari surah al-Nas.	<b>2</b>	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-Nas dengan bimbingan.
	1.4.2 Membaca setiap kalimah dari surah al-Nas.	<b>3</b>	Membaca surah al-Nas.
	1.4.3 Membaca surah al-Nas.	<b>4</b>	Membaca surah al-Nas dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta beriltizam membaca al-Quran.
		<b>5</b>	Membaca surah al-Nas dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta istiqamah membaca al-Quran.
		<b>6</b>	Membaca surah al-Nas dengan betul (serta bertajwid) dan lancar serta boleh dicontohi bacaannya atau boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.5 Surah al-Qadr</b>	Murid berupaya: 1.5.1 Mengenali kalimah dari surah al-Qadr. 1.5.2 Membaca setiap kalimah dari surah al-Qadr. 1.5.3 Membaca surah al-Qadr.	1	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-Qadr dengan bimbingan.
		2	Mengeja (dan membatang) kalimah daripada surah al-Qadr dengan bimbingan.
		3	Membaca surah al-Qadr.
		4	Membaca surah al-Qadr dengan betul dan lancar serta istiqamah membaca al-Quran.
		5	Membaca surah al-Qadr dengan betul dan lancar serta mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.
		6	Membaca surah al-Qadr dengan betul dan lancar serta boleh dicontohi bacaannya atau boleh membimbing rakan.



## 2.0 AKIDAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.1 Beriman kepada Malaikat</b>	Murid berupaya:	1	Menyatakan pengertian beriman kepada malaikat.
	2.1.1 Menyatakan pengertian beriman kepada Malaikat.	2	Menyenaraikan nama-nama malaikat yang wajib diketahui.
	2.1.2 Menyatakan nama-nama malaikat yang wajib diketahui.	3	Menyatakan nama-nama dan tugas-tugas malaikat yang wajib diketahui.
	2.1.3 Menyatakan tugas-tugas malaikat yang wajib diketahui.	4	Mengenal pasti nama-nama dan tugas-tugas malaikat yang wajib diketahui dengan betul serta hubungannya dalam kehidupan harian.
		5	Menerangkan kepentingan dalam mengimani kewujudan malaikat.
		6	Menerangkan kepentingan dalam mengimani kewujudan malaikat dan boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.2 Beriman Kepada Rasul</b>	Murid berupaya:  2.2.1 Menyatakan pengertian beriman kepada Rasul. 2.2.2 Menyatakan nama-nama Rasul yang wajib diketahui. 2.2.3 Menjelaskan kepentingan beriman kepada Rasul.	1	Menyatakan pengertian beriman kepada Rasul.
		2	Menyenaraikan nama-nama Rasul yang wajib diketahui.
		3	Menerangkan kepentingan beriman kepada Rasul.
		4	Mengenal pasti nama-nama dan tugas-tugas Rasul yang wajib diketahui dengan betul serta hubungannya dalam kehidupan harian.
		5	Menerangkan kepentingan dalam mengimani kewujudan Rasul.
		6	Menerangkan kepentingan dalam mengimani kewujudan Rasul dan boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.3 Sifat-sifat Allah SWT:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Wujud</b></li> </ul>	Murid berupaya: 2.3.1 Menyatakan pengertian wujud. 2.3.2 Menyatakan bukti kewujudan Allah SWT. 2.3.3 Menjelaskan kesan dan kepentingan beriman dengan sifat wujud Allah SWT.	1	Menyatakan pengertian wujud.
		2	Menyenaraikan bukti kewujudan Allah SWT.
		3	Menyatakan bukti kewujudan Allah SWT.
		4	Menjelaskan kesan beriman dengan sifat wujud Allah SWT.
		5	Mengenal pasti bukti dan menerangkan kesan beriman dengan sifat wujud Allah SWT.
		6	Menerangkan kesan dan kepentingan mengimani sifat wujud Allah SWT serta boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.4 Sifat-sifat Allah SWT:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Qidam</li> </ul>	Murid berupaya: <ul style="list-style-type: none"> <li>2.4.1 Menyatakan pengertian Qidam.</li> <li>2.4.2 Menyatakan bukti Allah SWT bersifat Qidam.</li> <li>2.4.3 Menjelaskan kesan dan kepentingan beriman dengan sifat Qidam.</li> </ul>	1	Menyatakan pengertian qidam.
		2	Menyenaraikan bukti sifat qidam Allah SWT.
		3	Menyatakan bukti sifat qidam Allah SWT.
		4	Menjelaskan kesan beriman dengan sifat qidam Allah SWT.
		5	Mengenal pasti bukti dan menerangkan kesan beriman dengan sifat qidam Allah SWT.
		6	Menerangkan kesan dan kepentingan mengimani sifat qidam Allah SWT serta boleh membimbing rakan.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.5 Nama- nama Allah SWT:</b> <b>a. ar-Rahman</b>	Murid berupaya:	1	Menyatakan pengertian ar-Rahman.
	2.5.1 Menyatakan pengertian ar-Rahman.	2	Menyenaraikan faedah beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.
	2.5.2 Menyatakan faedah beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.		
	2.5.3 Menyatakan akibat tidak beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.	3	Menyatakan faedah dan akibat beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.
	2.5.4 Menjelaskan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.	4	Menerangkan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.
		5	Menerangkan kesan dan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.
	6	Menerangkan kesan dan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT serta boleh membimbing rakan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.6 Nama-nama Allah SWT:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• ar-Rahim</li> </ul>	Murid berupaya:		
	2.6.1 Menyatakan pengertian ar-Rahim.	1	Menyatakan pengertian ar-Rahim.
	2.6.2 Menyatakan faedah beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT.	2	Menyenaraikan faedah beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT.
	2.6.3 Menyatakan akibat tidak beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT.	3	Menyatakan faedah dan akibat beramal dengan nama ar-Rahman Allah SWT.
	2.6.4 Menjelaskan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT.	4	Menerangkan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT.
		5	Menerangkan kesan dan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT.
	6	Menerangkan kesan dan kepentingan beramal dengan nama ar-Rahim Allah SWT serta boleh membimbing rakan.	

**3.0 IBADAH**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>3.1 Fardu Ain dan Kifayah</b>	Murid berupaya:	<b>1</b>	Menyatakan pengertian fardu ain dan kifayah.
	3.1.1 Menyatakan pengertian fardu ain dan fardu kifayah.		<b>2</b>
	3.1.2 Menyatakan contoh-contoh fardu ain dan fardu kifayah.	<b>3</b>	
	3.1.3 Menyatakan perbezaan antara fardu ain dan fardu kifayah.		<b>4</b>
	3.1.4 Menerangkan kepentingan fardu ain dan fardu kifayah.	<b>5</b>	
			<b>6</b>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>3.2 Solat fardu</b>	Murid berupaya:		
	3.2.1 Menyatakan pengertian solat fardu.	1	Menyatakan pengertian solat fardu.
	3.2.2 Menyatakan nama, waktu dan bilangan rakaat solat fardu.	2	Menyenaraikan nama solat fardu, waktu dan bilangan rakaat.
	3.2.3 Menyatakan niat solat fardu.		
	3.2.4 Mengamalkan solat fardu dengan betul dan tertib.	3	Mengamalkan solat fardu beserta niat dengan betul dan tertib.
	3.2.5 Menerangkan kepentingan mendirikan solat fardu.		
		4	Menjelaskan kepentingan mendirikan dan mengamalkan solat fardu dengan betul dan tertib.
		5	Menerangkan kepentingan mendirikan solat fardu dan mengamalkannya dengan betul dan tertib.
		6	Menerangkan kepentingan mendirikan solat fardu dan mengamalkannya dengan betul dan tertib serta boleh membimbing rakan.

## 4.0 SIRAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>4.1 Kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak</b>	<b>Murid berupaya:</b>	<b>1</b>	Menerangkan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak dengan bimbingan.
	4.1.1 Menceritakan kisah kewafatan ibu Nabi Muhammad SAW.	<b>2</b>	Menerangkan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak.
	4.1.2 Menceritakan kisah Nabi Muhammad SAW tinggal bersama datuknya.	<b>3</b>	Menceritakan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak.
	4.1.3 Menceritakan kisah Nabi Muhammad SAW tinggal bersama bapa saudaranya.	<b>4</b>	Menerangkan pengajaran daripada kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak.
	4.1.4 Menerangkan pengajaran daripada kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak.	<b>5</b>	Menceritakan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak mengikut urutan peristiwa yang betul.
		<b>6</b>	Menerangkan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa kanak-kanak yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan seharian.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>4.2 Pekerjaan Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya</b>	Murid berupaya:		
	4.2.1 Menceritakan kisah Nabi Muhammad SAW sebagai pengembala kambing.	1	Menerangkan kisah Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya dengan bimbingan.
	4.2.2 Menceritakan kisah Nabi Muhammad SAW membantu bapa saudaranya berniaga.	2	Menerangkan kisah Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya.
	4.2.3 Menerangkan pengajaran daripada pekerjaan Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya.	3	Menceritakan kisah Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya.
		4	Menerangkan pengajaran daripada pekerjaan Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya.
		5	Menceritakan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya mengikut urutan peristiwa yang betul.
		6	Menerangkan kehidupan Nabi Muhammad SAW semasa tinggal bersama bapa saudaranya yang boleh dijadikan contoh dalam kehidupan seharian.

**5.0 ADAB**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.1 Adab Berpakaian</b>	Murid berupaya: 5.1.1 Menjelaskan hukum menutup aurat. 5.1.2 Menyenaikan adab-adab berpakaian. 5.1.3 Menyatakan faedah beradab dalam berpakaian. 5.1.4 Menyatakan akibat tidak beradab dalam berpakaian.	1	Menyatakan hukum menutup aurat.
		2	Menerangkan adab-adab berpakaian.
		3	Mengenal pasti adab berpakaian dengan betul.
		4	Menerangkan faedah dan akibat tidak beradab dalam berpakaian.
		5	Menerangkan adab berpakaian dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.
		6	Menerangkan adab berpakaian dan mengamalkannya dalam kehidupan harian serta boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.2 Adab Masuk dan Keluar Rumah</b>	Murid berupaya:	<b>1</b>	Menjelaskan adab masuk dan keluar rumah.
	5.2.1 Menyatakan adab masuk dan keluar rumah.	<b>2</b>	Menyenaraikan faedah beradab dan akibat akibat tidak mengamalkan adab masuk dan keluar rumah.
	5.2.2 Menyatakan faedah beradab ketika masuk dan keluar rumah.		
	5.2.3 Menyatakan akibat tidak mengamalkan adab masuk dan keluar rumah.	<b>3</b>	Mengenal pasti adab masuk dan keluar rumah yang betul.
	5.2.4 Menjelaskan kepentingan mengamalkan adab masuk dan keluar rumah dalam kehidupan.	<b>4</b>	Menerangkan faedah beradab dan akibat tidak mengamalkan adab masuk dan keluar rumah.
		<b>5</b>	Menerangkan kepentingan mengamalkan adab masuk dan keluar rumah dalam kehidupan.
	<b>6</b>	Menerangkan kepentingan mengamalkan adab masuk dan keluar rumah dalam kehidupan serta boleh membimbing rakan.	



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.3 Adab Tidur</b>	Murid berupaya:		
	5.3.1 Menyatakan adab sebelum tidur.	<b>1</b>	Menjelaskan adab sebelum dan selepas bangun tidur.
	5.3.2 Menyatakan adab selepas bangun tidur.	<b>2</b>	Menyenaraikan adab sebelum dan selepas bangun tidur.
	5.3.3 Menunjukkan cara adab sebelum dan selepas bangun tidur.	<b>3</b>	Mengenal pasti adab sebelum dan selepas bangun tidur yang betul.
	5.3.4 Menerangkan kepentingan mengamalkan adab sebelum dan selepas bangun tidur.	<b>4</b>	Menjelaskan kepentingan mengamalkan adab sebelum dan selepas bangun tidur.
		<b>5</b>	Menerangkan kepentingan mengamalkan adab sebelum dan selepas bangun tidur dalam kehidupan.
		<b>6</b>	Menerangkan kepentingan mengamalkan adab masuk dan keluar rumah dalam kehidupan serta boleh membimbing rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.4 Adab Di Sekolah</b>	Murid berupaya:	<b>1</b>	Menjelaskan adab di sekolah.
	5.4.1 Menyatakan adab di sekolah.	<b>2</b>	Mengenal pasti perlakuan beradab di sekolah yang betul.
	5.4.2 Menjelaskan perlakuan beradab di sekolah.		
	5.4.3 Menerangkan faedah mengamalkan dan akibat tidak mengamalkan adab di sekolah.	<b>3</b>	Menjelaskan faedah mengamalkan dan akibat tidak mengamalkan adab di sekolah.
	5.4.4 Menerangkan kepentingan mengamalkan adab di sekolah.	<b>4</b>	Menjelaskan kepentingan mengamalkan adab di sekolah.
		<b>5</b>	Menerangkan kepentingan mengamalkan adab di sekolah dan hubungannya dalam kehidupan.
		<b>6</b>	Menerangkan kepentingan mengamalkan adab di sekolah dan hubungannya dalam kehidupan serta boleh membimbing rakan.

## 6.0 JAWI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
<b>6.1 Perkataan yang terdiri daripada suku kata terbuka</b>	Murid berupaya:			
	6.1.1 Mengenali suku kata terbuka.		1	Mengecam suku kata terbuka.
	6.1.2 Membaca perkataan dua suku kata terbuka.		2	Mengeja (dan membatang) perkataan dua dan tiga suku kata terbuka.
	6.1.3 Membaca perkataan tiga suku kata terbuka.			
	6.1.4 Menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata terbuka.		3	Mengeja, menulis dan membaca perkataan dua dan tiga suku kata terbuka.
	6.1.5 Menulis perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata terbuka.		4	Menulis dan mencerakinkan perkataan dua dan tiga suku kata terbuka dengan betul dan kemas.
5		Menulis dengan menggabungkan dua dan tiga suku kata terbuka untuk membentuk perkataan yang bermakna dengan betul dan kemas.		
		6	Menulis perkataan yang bermakna yang terdiri daripada dua dan tiga suku kata terbuka dengan betul dan kemas.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>6.2 Perkataan yang terdiri daripada suku kata tertutup</b>	Murid berupaya:		
	6.2.1 Mengenali suku kata tertutup.	1	Mengecam suku kata tertutup.
	6.2.2 Membaca perkataan dua suku kata tertutup.	2	Mengeja (dan membatang) perkataan dua dan tiga suku kata tertutup.
	6.2.3 Membaca perkataan tiga suku kata tertutup.		
	6.2.4 Menulis perkataan yang terdiri daripada dua suku kata tertutup.	3	Mengeja, menulis dan membaca perkataan dua dan tiga suku kata tertutup.
	6.2.5 Menulis perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata tertutup.	4	Menulis dan mencerakinkan perkataan dua dan tiga suku kata tertutup dengan betul dan kemas.
		5	Menulis dengan menggabungkan dua dan tiga suku kata tertutup untuk membentuk perkataan yang bermakna dengan betul dan kemas.
	6	Menulis perkataan yang bermakna yang terdiri daripada dua dan tiga suku kata tertutup dengan betul dan kemas.	

### **PANEL PENGGUBAL**

- |     |                                |  |
|-----|--------------------------------|--|
| 1.  | Dr. Rusilawati binti Othman    | Bahagian Pembangunan Kurikulum                   |
| 2.  | Abd Wahab bin Hassan           | Bahagian Pembangunan Kurikulum                   |
| 3.  | Norhaslinda binti Abd Rani     | Bahagian Pembangunan Kurikulum                   |
| 4.  | Robiah binti Mohamad           | SK Dato' Demang Hussin, Bukit Katil Melaka       |
| 5.  | Fatimah binti Tamjis           | SK Naning, Muar Johor                            |
| 6.  | Ikmal Hisham bin Shamsuddin    | SKPK Jalan Peel, Jalan Peel Kuala Lumpur         |
| 7.  | Ariffudin bin Dzulkhefli       | SKPK Kampung Baharu, Kampung Baharu Kuala Lumpur |
| 8.  | Syadid Habibullah bin Samsudin | SKPK Selangor, Shah Alam Selangor                |
| 9.  | Zulfahami bin Hussain          | SKPK Seremban, Seremban Negeri Sembilan          |
| 10. | Nooradibah binti Hanafi        | SKPK Kuantan, Kuantan Pahang                     |

### **TURUT MENYUMBANG**

- |    |                         |   |
|----|-------------------------|---|
| 1. | Nor Azza binti Ibrahim  | Bahagian Pembangunan Kurikulum              |
| 2. | Suyuti bin Mohammad     | Bahagian Pendidikan Khas                    |
| 3. | Mohd Huzairi bin Husain | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi Selangor |

### **PENASIHAT**

- |    |                             |                   |
|----|-----------------------------|-------------------|
| 1. | Dr. Sariah binti Abd. Jalil | Pengarah          |
| 2. | En. Shamsuri bin Sujak      | Timbalan Pengarah |
| 3. | Datin Dr. Ng Soo Boon       | Timbalan Pengarah |

### **PENASIHAT EDITORIAL**

- |    |                                      |              |
|----|--------------------------------------|--------------|
| 1. | Dr. A'azmi bin Shahri                | Ketua Sektor |
| 2. | En. Mohamed Zaki bin Abd. Ghani      | Ketua Sektor |
| 3. | Tn. Haji Naza Idris bin Saadon       | Ketua Sektor |
| 4. | Hajah Chetrilah binti Othman         | Ketua Sektor |
| 5. | Pn. Zaidah binti Mohd. Yusof         | Ketua Sektor |
| 6. | En. Mohd Faudzan bin Hamzah          | Ketua Sektor |
| 7. | Dr. Rusilawati binti Othman          | Ketua Sektor |
| 8. | En. Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | Ketua Sektor |



Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>

